KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

4 JANUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro X
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Rancang bina bangunan baharu tabika Kemas

Dungun: Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) merancang untuk membina bangunan baru tabika di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di seluruh negara, di kawasan yang lebih selamat.

Timbalan Menteri KKDW, Datuk Rubiah Wang berkata, perancangan itu dibuat sebagai mengelak pusat pembelajaran kanak-kanak itu berisiko dilanda banjir.

Menurutnya, pelan rancangan itu akan dirangka termasuk mengkaji kesesuaian membina bangunan yang lebih tinggi dan sebagainya.

"Ini semua sedang kita rancangkan bagi mencari kesesuaian. Cadangan bangunan dua tingkat juga penting iaitu di tingkat atas untuk pembelajaran murid manakala di bahagian bawah sesuai untuk aktiviti luar kelas," katanya ketika melawat Tabika Kemas Kampung Kuala Jengal, di sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Adun Bukit Besi, Roslee Daud dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) Datuk Tengku Ahmad Nadzri Tengku Musa.



RUBIAH (tengah) bermesra bersama kanak-kanak tabika ketika melawat Tabika Kemas Kuala Jengai. - Gambar NSTP/ROSLI ILHAM

Rubiah berkata, setakat ini pihaknya sudah mengenal pasti sebanyak 310 Tabika Kemas di seluruh negara terkesan dengan bencana banjir yang berlaku pada Disember lalu.

"Kejadian banjir baru-baru ini sangat buruk sehingga banyak bangunan Tabika Kemas di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak ditenggelami banjir sehingga berlaku pelbagai kerosakan.

"Bagi negeri pantai timur, sebanyak 212 Tabika terbabit iaitu, Kelantan (111) ,Terengganu (100) dan Pahang (1) dan banyak alat bantu pembelajaran, peralatan elektrik, dan perabot rosak.

Menurutnya, setakat ini pihaknya masih mengumpul maklumat bagi mengenal pasti jumlah keseluruhan tabika yang terbabit di seluruh negara termasuk jumlah kos sebenar kerugian yang dialami.

"Dalam minggu ini kita akan dapat semua maklumat itu dan selepas itu kita akan salurkan peruntukan bagi menjalankan kerja membaiki termasuk menggantikan kesemua peralatan yang rosak," katanya.

"Setakat ini, sesi pembelajaran kesemua Tabika Kemas yang terbabit sudah berjalan seperti biasa selepas kesemua bangunan itu dibersihkan," katanya.

Sementara itu, Rubiah berkata, pihaknya juga sedang mengenal pasti jumlah serta kos kerosakan jalan di kawasan bawah kementeriannya akibat kejadian banjir baru-baru ini.

"Kita sedang usahakan untuk menilai kos kerosakan itu dan kerja membaiki kesemua jalan yang rosak itu akan dibaiki segera demi keselesaan semua penduduk," katanya.

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Ahmad Zahid sambut baik cadangan bangunkan sektor TVET

Putrajaya: Semua agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan terus dibangunkan, khususnya membabitkan sektor Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau menyambut baik cadangan dan pandangan mengenai perkara itu yang dikemukakan oleh Majlis Profesor Negara (MPN) dalam pertemuan bersamanya, pagi semalam.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata perbincangan dalam pertemuan itu selama lebih dua jam juga melihat kerjasama yang boleh dijalinkan antara kedua-dua pihak.

"Alhamdulillah, hari ini saya berbesar hati menerima kunjungan delegasi dari MPN yang diketuai Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, selaku Pengerusi MPN.

"Pastinya, dengan kepakaran ilmuan dan kluster yang wujud bawah MPN, banyak data, kajian, penyelidikan dan idea yang mampu diangkat untuk pembangunan negara bangsa.

"Dalam rentetan perbincangan, isu utama yang diangkat menjurus kepada isu pembangunan bawah KKDW yang membabitkan sektor pendidikan khususnya TVET," katanya dalam satu kenyataan mengenai pertemuan itu, semalam.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, beliau mengajak ilmuan yang bernaung bawah MPN, untuk turut bersama dalam membantu dan memberikan kepakaran mereka dalam isu kos sara hidup demi kesejahteraan rakyat.

Katanya, beliau juga berharap sesi perkongsian dan meraikan pendapat daripada ilmuan itu akan terus diadakan berikutan ia berfungsi sebagai satu 'koridor baharu' dalam usaha mendapatkan input terbaharu yang diperlukan dalam memastikan dasar pentadbiran negara sentiasa memenuhi aspirasi rakyat.

"Insya-Allah kita berjumpa pada sesi yang akan datang," katanya.



Ahmad Zahid bersalaman dengan delegasi Majlis Profesor Negara pada pertemuan di Putrajaya, semalam. (Foto FB Zahid Hamidi)

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! X
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



AHMAD ZAHID ketika menerima kunjungan deligasi daripada MPN di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Sektor pendidikan TVET akan terus diperkasa – TPM

PETALING JAYA – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menyambut baik hasrat Majlis Professor Negara (MPN) yang mahu sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terus diperkasa.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, TVET sebagai sebuah agensi di bawah kementerian itu akan terus diupayakan selaras dengan pembangunan negara.

"Saya menyambut baik cadangan yang diberikan (MPN) dan akan memastikan agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wliayah (KKDW) akan terus diupayakan khususnya dalam sektor TVET," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Ahmad Zahid memaklumkan, beliau telah dikunjungi delegasi dari MPN yang diketuai oleh Pengerusinya, Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin.

Jelas beliau, dalam sesi kunjungan lebih dua jam itu, pelbagai perkara dan sisi kerjasama telah diatur antara kedua-dua pihak.

"Pastinya, dengan kepakaran ilmuan dan kluster yang wujud di bawah MPN, banyak data, kajian, penyelidikan dan idea yang mampu diangkat untuk pembangunan negara bangsa.

"Saya juga mengajak para ilmuwan yang bernaung di bawah MPN, turut bersama dalam membantu dan memberikan kepakaran mereka dalam isu kos sara hidup demi kesejahteraan rakyat," ujarnya.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berharap sesi perkongsian dan meraikan pendapat daripada para ilmuan ini akan terus diadakan.

Ini kerana, kata beliau, pertemuan seumpama itu adalah satu 'koridor baharu' dalam usaha mendapatkan input terbaharu yang diperlukan di dalam memastikan dasar pentadbiran negara sentiasa memenuhi aspirasi rakyat.

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! X
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



RUBIAH (tiga dari kiri) beramah-mesra dengan kanak-kanak di Tabika Kuala Jengai, Dungun semalam.

'Bina Tabika baharu lebih sesuai banjir'

DUNGUN – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mempunyai perancangan untuk membina bangunan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) baharu yang lebih sesuai di kawasan berisiko banjir pada masa depan.

Timbalan Menteri KKDW, Datuk Rubiah Wang berkata, ia merupakan perancangan jangka panjang bagi mengurangkan kos kerugian akibat kerosakan dialami ekoran bencana tersebut.

"Sekiranya ada keperluan untuk membina tabika di kawasan berisiko banjir pada masa depan, kita akan bina di lokasi lebih selamat atau membina bangunan tinggi dengan bertiang.

"Kita juga mempunyai pelan pembinaan tabika bertiang dengan tingkat atas untuk sesi pendidikan dalam kelas, manakala tingkat bawah boleh dijadikan pusat aktiviti untuk kanak-kanak," katanya di Tabika Kuala Jengai, Hulu Dungun, di sini semalam.

Tabika terbabit terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Rubiah berkata, setakat ini, sebanyak 310 tabika di seluruh negara dengan sebahagian besar di Pantai Timur telah dilaporkan terjejas dengan banjir baru-baru ini.

"Kerja-kerja pembersihan di tabika terlibat banjir telah selesai dilakukan dengan sesi pembelajaran di seluruh negara berjalan lancar.

"Kita juga masih menilai kerosakan dan kerugian dialami. Sebahagian premis tabika ini disewa dengan pihak lain," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rubiah berkata, pihaknya juga sedang mengenal pasti nilai kos baik pulih kerosakan jalan dan infrastruktur lain di bawah kementeriannya yang turut terlibat banjir.

Jelas beliau, semua agensi di bawah KKDW telah diarahkan memberikan laporan kerosakan dan kerugian akibat banjir dalam masa terdekat.

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Sarawak

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar X
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

KKDW rancang bina bangunan tabika baharu di kawasan risiko banjir

DUNGUN - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membina bangunan baharu Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), yang lebih bersesuaian di kawasan berisiko banjir.

Timbalan Menterinya, Datuk Rubiah Wang berkata, antara yang akan dipertimbangkan adalah pembinaan bangunan yang lebih tinggi dan bertiang yang tingkat atas boleh digunakan untuk sesi pembelajaran manakala tingkat bawah dijadikan ruang santai atau pusat aktiviti tabika.

"Namun perkara ini masih dalam perancangan, kementerian masih mengenal pasti keadaan atau kawasan banjir dengan fasiliti tabika sebab tidak semua (bangunan) tabika kami miliki.

"Ada setengahnya kami menyewa, ada setengahnya kami menggunakan kemudahan kampung. Ini yang masih dalam penilaian semula dan pihak kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan keperluan dari semasa ke semasa," katanya.


RUBIAH

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan tinjauan pascabanjir di Tabika Kemas Kuala Jengal, di sini pada Selasa.

Bagaimanapun Rubiah berkata, KKDW buat masa ini sedang menumpukan usaha membaik pulih dengan segera bangunan tabika sedia ada di seluruh negara yang terjejas banjir memandangkan sesi persekolahan penggal ketiga telah bermula minggu ini.

"Setakat ini hampir semua tabika yang terjejas di seluruh negara telah selesai dibersihkan dan semuanya telah memulakan sesi persekolahan masing-masing," katanya.

Ditanya mengenai kerosakan infrastruktur di bawah kendalian KKDW termasuk jalan, tabika serta bangunan lain, Rubiah berkata, pihaknya masih lagi dalam proses mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian yang dialami akan diketahui dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Kemas, Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi baru-baru ini berkata, sebanyak 212 Tabika Kemas terjejas di negeri-negeri terlibat banjir pada 18 Disember lepas.

Katanya, jumlah tersebut termasuk 100 premis Tabika Kemas di Terengganu dan selebihnya di Pahang dan Kelantan yang ditenggelami banjir sehingga mengakibatkan kerosakan pada alat bantu pembelajaran dan peralatan elektronik serta perabot. - *Bernama*

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Sarawak

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 ☐
- 東方日報 ☐
- Utusan Borneo ☐
- The Borneo Post ☒
- New Sabah Times ☐

Ministry plans new Kemas schools in flood-prone areas

DUNGUN: The Ministry of Rural and Regional Development (KKDW) plans to construct new Community Development Department (Kemas) nursery school buildings that are more appropriate in flood-prone areas.

Deputy Minister Datuk Rubiah Wang says among the details to be considered is to construct a multi-storey building with pillars where the upper floors are allocated for classes, while the ground floor can be used as a play area or activity centre.

"However, this is still in the planning stage and the ministry is still identifying the flood-prone areas with nursery school facilities because not all of the buildings belong to us," she told reporters when met at Tabika Kemas Kuala Jengal here yesterday.

However, Rubiah said KKDW was currently focusing on repairs of the existing school buildings nationwide that were affected by the floods, since the school session had begun this week.

"So far almost all the affected nursery schools have been cleaned up and the school sessions are in progress. During my visit to Tabika Kemas Kuala Jengal, I found that preparations for the school opening were already made by the management, and it was reported that other areas have done the same," she said.



Rubiah (second left) and others watch the preschoolers learning how to make sandwiches, during the visit to Tabika Kemas Kuala Jengal. — Bernama photo

Rubiah said the ministry was still in the process of evaluating the infrastructural damage and losses incurred following the floods.

Recently, Kemas director-general Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi said 212 of its kindergartens in three states were affected when the floods hit on Dec 18.

He said the number included 100 premises in Terengganu, while the rest were in Pahang and Kelantan. — Bernama

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Sarawak

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

KKDW rancang bina bangunan Tabika baharu di kawasan risiko banjir

DUNGUN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membina bangunan baharu Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), yang lebih bersesuaian di kawasan berisiko banjir.

Timbalan Menterinya Datuk Rubiah Wang berkata antara yang akan dipertimbangkan adalah pembinaan bangunan yang lebih tinggi dan bertiang yang tingkat atas boleh digunakan untuk sesi pembelajaran manakala tingkat bawah dijadikan sebagai ruang santai atau pusat aktiviti tabika.

"Namun perkara ini masih dalam perancangan, kementerian masih mengenal pasti keadaan atau kawasan banjir dengan fasiliti tabika sebab tidak semua (bangunan) tabika kami miliki. Ada setengahnya kami menyewa, ada setengahnya kami menggunakan kemudahan kampung. Ini yang masih dalam penilaian semula dan pihak kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan keperluan dari semasa ke semasa," katanya.



MENINJAU: Rubiah (empat kiri) menyantuni kanak-kanak yang melakukan aktiviti kelas semasa melawat Tabika KEMAS Kuala Jengal dekat Dungun, semalam. Tabika tersebut tenggelam sepenuhnya dalam kejadian banjir sehingga menyebabkan pelbagai barangan dalam bangunan tersebut rosak. — Gambar Bernama

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan tinjauan pascabanjir di Tabika KEMAS Kuala Jengal, di sini semalam.

Bagaimanapun Rubiah berkata KKDW buat masa ini sedang menumpukan usaha membaik pulih dengan segera bangunan tabika sedia ada di seluruh negara yang terjejas banjir memandangkan sesi persekolahan penggal ketiga telah bermula minggu ini.

"Setakat ini hampir semua tabika yang terjejas di seluruh negara telah selesai dibersihkan dan semuanya telah memulakan sesi persekolahan masing-masing.

"Semasa lawatan saya ke Tabika KEMAS Kuala Jengal ini, saya mendapati persediaan untuk sesi pembukaan persekolahan telah pun dibuat dengan begitu baik oleh pihak pengurusan tabika, bukan sahaja di sini malahan di kawasan-kawasan lain juga turut dilaporkan persediaan yang sama," katanya.

Ditanya mengenai kerosakan infrastruktur di bawah kendalian KKDW termasuk jalan, tabika serta bangunan lain, Rubiah berkata pihaknya masih lagi dalam proses mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian yang dialami akan diketahui dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah KEMAS Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi baru-baru ini berkata 212 Tabika KEMAS terjejas di negeri-negeri terlibat banjir pada 18 Disember lepas.

Katanya jumlah tersebut termasuk 100 premis Tabika KEMAS di Terengganu dan selebihnya di Pahang dan Kelantan yang ditenggelami banjir sehingga mengakibatkan kerosakan pada alat bantu pembelajaran dan peralatan elektronik serta perabot. — Bernama

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Utusan Sarawak

KKDW rancang bina bangunan Tabika baharu



TIMBALAN Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang (dua, kiri) diberi taklimat banjir semasa melawat Tabika KEMAS Kuala Jengal di Dungun, Terengganu. • Foto BERNAMA

DUNGUN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mempunyai perancangan pada masa depan untuk membina bangunan baharu Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), yang lebih bersesuaian di kawasan berisiko banjir.

Timbalan Menterinya, Datuk Rubiah Wang berkata, antara yang akan dipertimbangkan adalah pembinaan bangunan yang lebih tinggi dan bertiang yang tingkat atas boleh digunakan untuk sesi pembelajaran manakala tingkat bawah dijadikan sebagai ruang santai atau pusat aktiviti Tabika.

"Namun perkara ini masih dalam perancangan, kementerian masih mengenal pasti keadaan atau kawasan banjir dengan fasiliti tabika sebab tidak semua (bangunan) tabika kami miliki.

"Ada setengahnya kami menyewa, ada setengahnya kami menggunakan kemudahan kampung. Ini yang masih dalam penilaian semula dan pihak kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan keperluan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan tinjauan pascabanjir di Tabika KEMAS Kuala Jengal di sini, semalam.

Bagaimanapun Rubiah berkata, KKDW buat masa ini sedang menumpukan usaha membaik pulih dengan segera bangunan tabika sedia ada di seluruh negara yang terjejas banjir memandangkan sesi persekolahan penggal ketiga telah bermula minggu ini.

"Setakat ini, hampir semua tabika yang terjejas di seluruh negara telah selesai dibersihkan dan semuanya telah memulakan sesi persekolahan masing-masing.

"Semasa lawatan saya ke Tabika KEMAS Kuala Jengal ini, saya mendapati persediaan untuk sesi pembukaan persekolahan telah dibuat dengan begitu baik oleh pihak pengurusan tabika, bukan sahaja di sini, malahdi kawasan lain juga turut dilaporkan persediaan yang sama," katanya.

Ditanya mengenai kerosakan infrastruktur di bawah kendalian KKDW termasuk jalan, tabika serta bangunan lain, Rubiah berkata, pihaknya masih lagi dalam proses mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian yang dialami akan diketahui dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah KEMAS, Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi baru-baru ini berkata, 212 Tabika KEMAS terjejas di negeri terlibat banjir pada 18 Disember lepas.

Katanya, jumlah tersebut termasuk 100 premis Tabika KEMAS di Terengganu dan selebihnya di Pahang dan Kelantan yang ditenggelami banjir sehingga mengakibatkan kerosakan pada alat bantu pembelajaran dan peralatan elektronik serta perabot. -Bernama

TARIKH:
4 Januari 2023

HALAMAN:

ONLINE
Daily Express

KKDW rancang bina bangunan Tabika baharu di kawasan risiko banjir

DUNGUN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membina bangunan baharu Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), yang lebih bersesuaian di kawasan berisiko banjir.

Timbalan Menterinya Datuk Rubiah Wang berkata antara yang akan dipertimbangkan adalah pembinaan bangunan yang lebih tinggi dan bertiang yang tingkat atas boleh digunakan untuk sesi pembelajaran manakala tingkat bawah dijadikan sebagai ruang santai atau pusat aktiviti tabika.

"Namun perkara ini masih dalam perancangan, kementerian masih mengenal pasti keadaan atau kawasan banjir dengan fasiliti tabika sebab tidak semua (bangunan) tabika kami miliki. Ada setengahnya kami menyewa, ada setengahnya kami menggunakan kemudahan kampung. Ini yang masih dalam penilaian semula dan pihak kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan keperluan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan tinjauan pascabanjir di Tabika Kemas Kuala Jengal, di sini, Selasa.

Bagaimanapun Rubiah berkata KKDW buat masa ini sedang menumpukan usaha membaik pulih dengan segera bangunan tabika sedia ada di seluruh negara yang terjejas banjir memandangkan sesi persekolahan penggal ketiga telah bermula minggu ini.

"Setakat ini hampir semua tabika yang terjejas di seluruh negara telah selesai dibersihkan dan semuanya telah memulakan sesi persekolahan masing-masing.

"Semasa lawatan saya ke Tabika Kemas Kuala Jengal ini, saya mendapati persediaan untuk sesi pembukaan persekolahan telah pun dibuat dengan begitu baik oleh pihak pengurusan tabika, bukan sahaja di sini malahan di kawasan-kawasan lain juga turut dilaporkan persediaan yang sama," katanya.

Ditanya mengenai kerosakan infrastruktur di bawah kendalian KKDW termasuk jalan, tabika serta bangunan lain, Rubiah berkata pihaknya masih lagi dalam proses mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian yang dialami akan diketahui dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Kemas Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi baru-baru ini berkata 212 Tabika Kemas terjejas di negeri-negeri terlibat banjir pada 18 Dis lepas. – Bernama